

29 JULY 2000

Mahathir-Skim

KERAJAAN SEDIA LAKSANA SKIM PAMPASAN BANTU PEKERJA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sudah bersedia melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan untuk membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat mendapat pampasan sewajarnya.

Perdana Menteri berkata kerajaan bagaimanapun masih menunggu persetujuan daripada Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

Katanya, walaupun kerajaan sudah membuat pendirian itu tetapi MEF masih berdolak-dalik yang memaksa beliau meminta mereka menimbang semula penolakan itu.

"Janganlah sampai tolak sama sekali...kalau RM1 peruntukan mahal sangat, kita boleh kurangkan sikit...Tak boleh RM1, 50 sen pun tak apalah," katanya pada sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Putra Bukit Jalil di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, skim itu memerlukan persetujuan majikan kerana ia untuk membantu pekerja di syarikat masing-masing.

Skim itu dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi dan berlaku pemecatan pekerja oleh syarikat yang menghadapi masalah.

Bagaimanapun cadangan itu tidak dipersetujui oleh majikan.

Dr Mahathir berkata walaupun lebih 90 peratus pekerja mendapat pampasan dan bantuan daripada majikan, skim itu masih perlu untuk memberi perhatian dan meringankan beban segelintir pekerja yang ditamatkan perkhidmatan tanpa mendapat pampasan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan berbincang selanjutnya dengan MEF dan sedia mengurangkan sumbangan majikan untuk membolehkan skim itu dimulakan.

"MEF ni...ia tak setuju. Mungkin kalau kita kurangkan sikit, dia setujulah. Kerajaan memang bertimbang rasa, baik kepada pekerja mahupun majikan," katanya.

Mengenai kemungkinan majikan kelak akan mengelak daripada membayar pampasan kepada pekerja apabila skim itu dimulakan, beliau berkata jika mereka bertindak demikian kerajaan akan mengambil tindakan.

Tapi, katanya, pekerja yang ditamatkan perkhidmatan akan terasa dianiayai jika mereka tak dibayar pampasan.

"Kita sekadar mahu menjaga kepentingan mereka," katanya.

Ditanya sama ada sumbangan RM1 bagi setiap pekerja itu membebaskan majikan, Perdana Menteri berkata kalau majikan tidak mampu menyumbangkan RM1, mereka tentunya boleh menyumbang 50 sen.

"Kerajaan tidaklah meminta sumbangan yang banyak," katanya.

Sebelum itu, ketika berucap kepada pekerja sektor industri yang memenuhi Stadium Putra itu, Dr Mahathir mengulangi penghargaan dan terima kasih kerajaan dan rakyat kepada kaum pekerja kerana kerjasama erat mereka kepada kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi negara semasa kegawatan.

Beliau berkata kaum pekerja bukan sahaja sanggup memikul beban kemelesetan dengan tidak membuat sebarang tindakan negatif tetapi bekerja keras membantu pemulihan ekonomi.

"Jika kaum pekerja bertindak secara tidak bertanggungjawab, mengadakan tindakan perusahaan dan membuat tuntutan yang bukan-bukan, sudah tentu pemulihan ekonomi negara tidak dapat diusahakan dengan jayanya," kata Perdana Menteri.

Katanya, pada suku pertama 2000, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah 11.7 peratus dan beliau yakin dengan kerjasama kaum pekerja kadar itu akan menjadi lebih baik.

Perdana Menteri juga berkata beliau bersyukur kerana pekerja tidak mudah dipengaruhi oleh orang asing untuk menyelesaikan masalah pekerja.

Mengimbas perkembangan sebuah negara yang dahulunya maju tetapi kini sudah merosot, antara lain akibat tindakan dan tekanan pekerjaannya, beliau berkata upah pekerja perlu meningkat tetapi bukannya melalui tindakan perusahaan sebaliknya melalui peningkatan produktiviti.

Dr Mahathir turut mengingatkan kaum pekerja bahawa penentuan gaji minimum yang tinggi boleh mengurangkan daya saing negara kerana gaji minimum akan melibatkan kenaikan gaji bagi pekerja di semua lapisan sehingga peringkat yang tertinggi dan menyebabkan kos meningkat.

"Kerana itulah soal gaji minimum perlu dikaji dengan teliti demi kepentingan pekerja sendiri," katanya sambil menjelaskan bahawa kerajaan sedang membuat kajian untuk menentukan kemampuan menaikkan gaji secara menyeluruh.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman, Presiden MTUC Zainal Rampak dan Presiden CUEPACS N. Siva Subramaniam.

-- BERNAMA

MNY MAI